

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 20 SEPTEMBER 2023

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 5

Kerajaan tanggung subsidi pukal RM80 bilion bahan api

Kerajaan tanggung subsidi pukal RM80 bilion bahan api

Kerajaan menanggung subsidi pukal lebih RM80 bilion bagi bahan api RON 95, diesel, gas petroleum cecair (LPG) dan elektrik.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata ketika ini harga minyak mentah dunia mencecah AS\$95 bagi setiap tan dan akan mencecah AS\$100 satu tong tidak lama lagi.

Beliau berkata, subsidi yang ditanggung kerajaan boleh melepasi RM100 bilion setahun, kecuali kerajaan melakukan reformasi sistem subsidi.

"Sebab itu secara rasional, perbelanjaan ini lebih baik disasarkan kepada golongan yang benar-benar memerlukan supaya lebih banyak peruntukan boleh digunakan untuk khidmat rakyat bagi perbelanjaan pembangunan."

"Soalnya, apakah kaedah paling adil kepada rakyat untuk mengimbangi kesan makro yang lain seperti inflasi?" katanya ketika mengulung perbahasan usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) bagi kementeriannya di Dewan Rakyat, semalam.

Menjelaskan perbelanjaan pembangunan, Rafizi berkata, peruntukan itu diagih untuk melaksanakan projek yang diluluskan berdasarkan permohonan dan keperluan dikemukakan kepada kementerian, bukannya daripada pihak negeri.

"Ini adalah peruntukan Persekutuan disalurkan melalui agensi Persekutuan, tetapi sebelum mengemukakan permohonan projek, semua kementerian diminta mengadakan perbincangan dengan pihak berkepentingan peringkat negeri."

"Oleh kerana peruntukan yang dapat disediakan adalah terhad, jadi permohonan kerajaan negeri perlu disaring dan dinilai kementerian terlebih dahulu," katanya.

Sebab itu secara rasional, perbelanjaan ini lebih baik disasar kepada golongan yang benar-benar perlu



Rafizi Ramli,
Menteri Ekonomi